

Meneroka kekayaan biodiversiti

► Kerjasama dimeterai dengan syarikat antarabangsa jalankan penyelidikan

UB 17.1.2014 A6

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Melihat Sabah yang kaya kepelbagaian biodiversiti seperti batu karang, Protein Technologies Limited (PTL) Manchester, United Kingdom menandatangani perjanjian bagi membantu dalam penyelidikan mencari protein pendarfluor (fluorescent) di kawasan segi tiga batu karang.

Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) Dr Abdul Fatah Amir berkata, PTL akan menjadi rakan kerjasama SaBC bagi menjalankan penyelidikan mencari protein pendarfluor yang terdapat di kawasan segi tiga batu karang di negeri ini.

Institut Penyelidikan

Bioteknologi (BRI) Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga akan turut membantu menyediakan perkhidmatan sokongan termasuk kemudahan makmal.

Penyelidikan itu mengambil masa selama dua tahun dan ia melibatkan kos sejumlah RM1.6 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Penyelidikan itu akan dijalankan oleh sekumpulan penyelidik yang sudah dibentuk oleh SaBC, katanya.

Abdul Fatah berkata, memandangkan penyelidikan itu dijalankan di Sabah, diharapkan ia akan membantu meminimalkan pergerakan keluar sumber biodiversiti di negeri ini, di samping membantu melindungi sumber biodiversiti berkenaan.

Beliau berkata demikian

semasa berucap sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Penyelidikan 'Discovery of the Next Generation of Proteins' di antara Kerajaan Negeri Sabah melalui SaBC dan PTL, di Bilik Persidangan Wisma Innoprise, di sini kelmarin.

Katanya, dengan kemudahan teknologi industri persekitaran yang rendah, usaha mempromosi dan membangunkan aktiviti biodiversiti bukan mudah kerana ia memerlukan pelbagai model dalam pembangunan industri berkenaan.

"Kita tidak boleh mengambil jalan mudah dengan menggunakan model pembangunan bioteknologi di negara membangun kerana ia tidak sesuai untuk digunakan. Oleh itu, SaBC akan cuba



ABDUL Fatah (dua kanan) dan Mohammad (dua kiri) bertukar dokumen Perjanjian Perkhidmatan Penyelidikan 'Discovery of the Next Generation of Proteins' sambil diperhatikan oleh pegawai lain.

membangunkan model pembangunan yang bersesuaian dalam konteks Sabah," jelasnya.

Abdul Fatah berkata, penglibatan syarikat antarabangsa seperti PTL sebagai rakan kerjasama SaBC adalah langkah yang baik dalam usaha mempromosi dan membangunkan bioteknologi di negeri ini.

Beliau berkata, walaupun penyelidikan itu

bersifat akademik, tetapi ia juga mempunyai potensi pasaran yang baik.

Katanya, PTL bukan sahaja akan membantu dari segi kepakaran yang mereka ada dalam mengenalpasti protein pendarfluor yang baharu tetapi juga, membuka ruang untuk memasuki pasaran Eropah dengan hasil penemuan yang diperolehi.

Pemilihan rakan kerjasama ini adalah

berasaskan kepada potensi yang ada untuk memasarkan produk yang dihasilkan, jelasnya.

Menyentuh mengenai program SaBC pada tahun ini, beliau berkata, beberapa program berkaitan dengan bioteknologi akan dijalankan termasuklah Projek Penemuan Ubat, yang mana ia adalah kerjasama berterusan dengan Makmal Produk Asli, UMS.

"Untuk itu, UMS akan menghasilkan bahan kimia daripada sumber biologi yang terpilih dan ia akan dinilai untuk melihat potensinya. Ia akan digunakan sebagai terapi bagi merawat kanser, keradangan, diabetes atau hipertensi.

"Penyedia perkhidmatan bioteknologi untuk menilainya sudah dikenalpasti dan diharap menjelang pertengahan tahun ini, ia dapat dilancarkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penyelidik PTL Dr Mohammad Farid Khan berkata, kepelbagaian biodiversiti di negeri ini menyebabkan PTL sedia bekerjasama dengan SaBC.

Katanya, usahasama itu membolehkan kedua-dua pihak berkongsi pengetahuan.

"Dengan penyelidikan itu juga, Sabah akan mendapat IP (internet protocol) dan paten. Di samping itu, penyelidik muda dari Sabah juga berpeluang melawat Manchester dan mempelajari teknik penyelidikan di situ," katanya.